

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97**

Oktober/November 1996

PLG 391 - Kaedah Mengajar Ekonomi I

[Masa : 3 jam]

Arahan: Jawab **TIGA (3)** soalan
Jawab soalan No. **SATU (1)** dan **DUA (2)** soalan yang lain.

1. a) Bincangkan kurikulum mata pelajaran Ekonomi Asas yang dilaksanakan di sekolah menengah dari segi matlamat, objektif dan pelaksanaannya.

[20 markah]

- b) Bincangkan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dikehendaki untuk dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran ini.

[20 markah]

2. Guru Ekonomi Asas perlu memahami pengertian "pengajaran" dan "ketrampilan berkomunikasi." Bincangkan satu model komunikasi yang bersesuaian untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Ekonomi Asas.

[30 markah]

3. Di antara kaedah-kaedah yang dilaksanakan didapati kaedah kumpulan bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas. Bincangkan mengapa ianya sesuai dan tunjukkan cara melaksanakan kaedah ini.

[30 markah]

4. Di sekolah yang anda bertugas, anda dapati sebilangan besar pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran ekonomi adalah bermotivasi rendah. Bincangkan langkah-langkah yang boleh anda laksanakan untuk mempertingkatkan motivasi pelajar-pelajar ini agar pembelajaran mereka lebih berkesan.

[30 markah]

- oooOooo -